



TERHARU...Dzulkifli gembira sebaik menerima sumbangan JKM.

UMP, JKM bantu ringan derita keluarga sakit kulit

(metrol sefempat) 11/04/11 (ISMIN) M/S : 19

KOTA BHARU: "Sebagai suami saya amat terharu kerana sejak berita mengenai nasib isteri disiarkan akhbar, orang ramai tidak putus-putus berkunjung ke rumah dan menghulurkan sumbangan," kata Dzulkifli Roffeen, 57, yang isterinya, Normah Husin, 47, menderita penyakit kulit kronik selepas memakan ubat yang didakwa tersalah beri oleh Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) Kota Bharu.

Akibat kejadian itu, kulit suri rumah itu menggelupas

serta gatal selain bengkak keseluruhan muka sehingga sukar untuk membuka mata, bercakap dan berjalan.

Dzulkifli ditemui di rumahnya di Kampung Chempaka dekat sini, semalam, berterima kasih kepada semua pihak yang membantu keluarganya termasuk pelbagai pihak menghulurkan sumbangan, selain memberi kata-kata semangat.

"Saya berharap apabila anak saya (Roslan) berjaya kelak dia juga akan turut membantu orang kurang bernasib baik. Saya mahu

Roslan mengambil iktibar daripada kesusahan kami selama ini kerana saya tidak mahu dia mengalami nasib yang sama," katanya.

Terdahulu keluarga itu menerima kunjungan rombongan Universiti Malaysia PAhang (UMP) membabitkan Kelab Pembimbing Rakan Siswa (Persis), Persatuan Mahasiswa Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (Chest), Persatuan Wanita UMP (Matahari), kakitangan Pejabat Naib Cancelor UMP dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).